

TAJUK

Contoh Tugas
Sejarah PT3 2015

PERSETIAAN PERSEKUTUAN 1895

Ditulis oleh : _____

Tingkatan : _____

****Tugas ini adalah contoh sahaja. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat.**

PERANCANGAN

JADUAL KERJA / SENARAI SEMAK

Bil	Perkara	Halaman	Tarikh	Tandatangan
1a.	Tajuk kajian	1		
b.	Objektif kajian	3		
c.	Kaedah kajian	4		
2.	Kerangka kasar penulisan	5		
3.	Pengenalan	6		
4.	Faktor Penerimaan Persetiaan Persekutuan	8		
5.	Kesan Persetiaan Persekutuan terhadap Negeri-negeri Melayu	9		
6.	Perkaitan Pembentukan Persekutuan dengan kedaulatan Malaysia	10		
7.	Rumusan pengetahuan nilai / unsur-unsur patriotisme dan harapan	11		
8.	Rujukan	12		
9.	Lampiran	13		

OBJEKTIF KAJIAN

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran kajian ini, dapat:

1. Menerangkan latar belakang Persetiaan Persekutuan 1895.
2. Menerangkan syarat-syarat Persetiaan Persekutuan.
3. Menerangkan faktor-faktor dengan terperinci pemeeterian Persetiaan Persekutuan 1875.
4. Menerangkan kesan terperinci Persetiaan Persekutuan terhadap Negeri-negeri Melayu
5. Menyenaikan perkaitan terperinci Pembentukan Persekutuan dengan kedaulatan Malaysia
6. Memberi pengalaman yang bernilai semasa menjalani kajian tersebut.
7. Memberi pemahaman yang luas dan menyeluruh terhadap fakta sejarah.
8. Memupuk semangat patriotisme dalam diri sendiri dan juga kalangan generasi muda melalui kajian ini.

KAEDAH KAJIAN

Sebanyak 4 kaedah kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan bersistematik.

i. Kaedah analisis dokumen

Saya juga turut merujuk dokumen dari untuk memastikan kesahihan fakta yang ada. Dengan ini, penulisan kajian saya tidak akan diragui akan kebenarannya.

ii. Kaedah penyelidikan perpustakaan

Saya juga turut mengunjungi perpustakaan untuk menjalankan penyelidikan sumber-sumber yang ada di situ. Dengan penyelidikan sumber yang pelbagai seperti buku ilmiah, akhbar, majalah dan sebagainya akan menguatkan lagi kajian saya.

iii. Muat turun internet

Saya turut menggunakan kemudahan ict yang terdapat dalam negara kita dengan melayari laman sesawang produk yang dikaji malah turut memuat turun bahan yang terdapat sebagai rujukan.

iv. Bimbingan Guru

Saya telah mendapat bimbingan guru, iaitu Puan

KERANGKA KASAR PENULISAN

Bil.	Tugasan	Butir
1.	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> - Menjelaskan syarat persetujuan Persekutuan 1895. - Mengatakan tujuan pemeterian Persetiaan. - Menyenaraikan struktur Pentadbiran Persekutuan 1896.
2.	Faktor pemeterian persetujuan persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> - Menjelaskan semua faktor dengan terperinci syarat-syarat perjanjian persekutuan 1895 dari segi politik dan ekonomi - Faktor seperti masalah kewangan Pahang, kelemahan sistem residen, menyeragamkan pentadbiran serta memperlihatkan pertahanan dan keselamatan dan sebagainya.
3.	Kesan persetujuan persekutuan terhadap negeri-negeri Melayu	<ul style="list-style-type: none"> - Menganalisis keseluruhan kesan dengan terperinci - Kesan terhadap politik dan pentadbiran, ekonomi dan sosial - Kejayaan dan kelemahan sistem persetujuan persekutuan terhadap negeri-negeri Melayu - Contoh kesan seperti pemusatan kuasa residen, kemerosotan kuasa sultan dan kuasa pembesar Melayu dikurangkan
4.	Perkaitan Pembentukan Persekutuan dengan kedaulatan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Perkaitan terhadap persekutuan dengan kedaulatan Malaysia
5.	Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi pengetahuan - Iktibar kepada diri, bangsa dan negara - Harapan yang relevan
6.	Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> - Buku / Akhbar / Majalah - Internet
7.	Lampiran	<ul style="list-style-type: none"> - Gambar /peta / dokumen

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN



Syarat-Syarat Perjanjian Persekutuan 12 Jun 1895:

PERSETIAAN PERSEKUTUAN, 1895

PERJANJIAN antara Gabenor Negeri-negeri Selat, yang bertindak bagi pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Maharani India dengan Raja-raja Negeri Melayu yang berikut :- Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

1. Sebagai mengesahkan pelbagai Perjanjian terdahulu, maka Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Pahang dan Pembesar-pembesar Negeri-negeri yang membentuk wilayah yang dikenali sebagai Negeri Sembilan, dengan ini secara berasingan meletakkan diri mereka dan Negeri mereka di bawah naungan Kerajaan British.
2. Raja-raja dan Pembesar-pembesar masing-masing bagi Negeri-negeri yang dinamakan di atas, dengan ini bersetuju membentuk negeri-negeri mereka dalam sebuah Persekutuan, dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Naungan, yang ditadbir di bawah nasihat Kerajaan British.
3. Maka hendaklah difahami bahawa Perkiraan yang dengan ini dipersetujui tidak bermaksud bahawa mana-mana seorang Raja atau Pembesar akan menjalankan apa-apa kuasa dan wibawa berkaitan dengan mana-mana Negeri selain yang kini dimilikinya di Negeri yang dia diiktiraf sebagai Raja atau Pembesar.
4. Raja-raja yang dinamakan di atas bersetuju untuk menerima seorang Pegawai British bergelar Residen Jeneral, sebagai ejen dan wakil Kerajaan British di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat. Mereka mengaku janji menyediakan untuknya tempat penginapan yang sesuai, memberi gaji seperti mana yang ditentukan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, dan mengikuti nasihatnya dalam semua perkara pentadbiran selain yang menyentuh agama Islam. Pelantikan Residen Jeneral tidak akan menjejaskan kewajipan Raja-raja Melayu terhadap Residen British yang sedia ada atau yang dilantik selepas ini bagi menyandang jawatan di Negeri-negeri Naungan yang tersebut di atas.
5. Raja-raja yang dinamakan di atas juga bersetuju memberi kepada Negeri-negeri dalam Persekutuan yang memerlukan apa-apa bantuan berupa tenaga manusia, wang atau lain-lainnya sebagaimana yang dinasihati oleh Kerajaan British melalui pegawainya yang dilantik dengan sewajarnya; dan mereka selanjutnya mengaku janji bahawa sekiranya tercetus perang antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan mana-mana kuasa yang lain, mereka, atas permintaan Gabenor, akan menghantar sepasukan askar India yang lengkap bersenjata untuk berkhidmat di Negeri-negeri Selat.

Tiada apa-apa pun dalam Perjanjian ini yang bertujuan menyekat apa-apa kuasa atau wibawa yang kini dipegang oleh mana-mana Raja Negeri yang dinamakan di atas di Negeri masing-masing, dan ia juga tidak mengubah hubungan sedia ada antara mana-mana Negeri yang dinamakan dengan Empayar British.

Perjanjian di atas telah ditandatangani dan dimeterai oleh Raja-raja dan Pembesar-pembesar pelbagai Negeri yang tersebut di bawah pada bulan Julai 1895

Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris, Sultan Perak

Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad, Sultan Pahang

**Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah,
Yam Tuan Besar Seri Menanti**

Dato' Haji Ahmad, Dato' Bandar Sungai Ujong

Dato' Ato, Dato' Undang Johol

Dato' Syed Ali bin Syed Zain, Dato' Undang Jelebu

Dato' Serun bin Sidin, Dato' Undang Rembau

Tengku Dewa Tampin

Sumber : Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791 – 1965 (ITNM)


Satu perjanjian yang dikenali sebagai *Perjanjian Persekutuan 1895* telah ditandatangani di antara Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Cecil Clementi Smith bagi pihak Kerajaan British dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris, Perak; Sultan Suleiman, Selangor; Sultan Mahmud, Pahang; dan Yam Tuan Besar Sri Menanti, Dato Bandar Sungai Ujong, Undang Johol, Undang Rembau dan Tengku Dewa Tampin.



Frank Swettenham

Idea pembentukan Persekutuan 1895 adalah cadangan Frank Swettenham. Persekutuan bermaksud gabungan beberapa negeri dalam satu unit politik dibawah pentadbiran kerajaan pusat. Menurut persekutuan Persekutuan 1895, Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan disatukan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Persekutuan ini bertujuan untuk menyeragamkan pentadbiran akibat kelemahan sistem Residen, mengukuhkan keselamatan dan pertahanan, mengukuhkan kedudukan British ke atas negeri-negeri Melayu dan mengurangkan kuasa Residen serta kuasa raja-raja Melayu melalui pelantikan Residen Jeneral.

Struktur Pentadbiran Persekutuan 1896 (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu)



Faktor Pemeteraian Persekutuan Persekutuan 1895

1. Kelemahan Sistem Residen

Residen tidak diberi panduan jalan untuk menjalankan tugas. Residen bertindak sebagai pentadbir. Residen terlalu berkuasa dan tidak dapat dikawal oleh Gabenor NNS. Residen mencampuri adat istiadat Melayu dan menghapuskan amalan perhambaan. JWW Birch, Residen Perak tidak tahu berbahasa Melayu. Ini dapat dilihat melalui penentangan yang berlaku di setiap negeri. British mahu mengurangkan kuasa Residen melalui perlantikan Residen Jeneral dalam Persekutuan 1895.

2. Masalah kewangan Negeri Pahang

Pahang menanggung hutang yang banyak kerana kekurangan hasil bumi dan kebangkutan Dato Bahaman. British terpaksa meminjam wang daripada NNS untuk membiayai pentadbiran Pahang. Dengan pembentukan Persekutuan, gabungan sumber kekayaan Perak, Selangor dan Negeri Sembilan diharap dapat mengatasi krisis kewangan Pahang.

3. Dapat menyeragamkan sistem Pentadbiran

Setiap negeri ditakbir oleh residen yang berlainan dan mempunyai undang-undang yang tersendiri mengikut sesuka hati residen. Oleh itu, kemajuan setiap negeri juga berbeza. Pembentukan Persekutuan 1895 diharap dapat menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran melalui pentadbiran pusat.

4. Dapat mengukuhkan sistem ketahanan dan keselamatan

British menghadapi ancaman di dalam dan di luar negeri. British berharap untuk mewujudkan pasukan keselamatan untuk mempertahankan NNMB jika berlaku peperangan dan mengatasi penentangan yang berlaku di dalam negeri. Secara demikian, British tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak untuk mendapatkan bantuan tentera daripada Singapura, Hong Kong dan India.

5. Memajukan sistem perhubungan antara negeri

Sistem perhubungan seperti jalan raya dan jalan kereta api tidak bersambungan di antara NNM. Pembentukan Persekutuan diharap dapat menyambungkan sistem perhubungan dan memudahkan penghantar hasil bumi ke pelabuhan untuk dieksport.

6. Dapat menjimatkan kos pentadbiran

Pentadbiran setiap negeri Melayu yang berlainan memakan kos yang tinggi. British berharap bayaran perkhidmatan pakar NNM dapat dikurangkan secara perkongsian melalui pembentukan Persekutuan.

7. Sultan kehilangan kuasa

Residen terlalu berkuasa, Sultan terpaksa mengikut nasihat Residen. Pembesar Melayu juga kehilangan hak istimewa disamping Sultan. Sultan dan Pembesar kehilangan kuasa dalam pentadbiran dan hak memunggut cukai. Sultan dan Pembesar Melayu menerima bayaran bulanan sahaja.

TO BE CONTINUE LOGIN AGAIN

***** Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagam. Gunakan tips ini sebagai panduan.**

**Get our 100% exam tips (PT3)
for BM, BI, Mathematics, Science &
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now
via www.andrewchoo.com.my**

or

**Join our [LIVE Seminar PT3](#) at University
Malaya on 13 Sept'15 (Sun)****